

# Harta pusaka: Amanah Raya jejak waris

**PETALING JAYA:** Bukan mudah untuk menjejaki waris si mati mahupun mencari waris yang sudah berhijrah namun, atas pelbagai inisiatif yang dijalankan oleh Amanah Raya pihaknya berjaya bertemu waris terbabit.

Kebanyakan wang tersimpan milik waris yang tidak dapat diserahkan atas sebab-sebab tertentu seperti waris berpindah atau alamat yang diberikan tidak tepat menyebabkan wang tidak dapat diserahkan oleh Amanah Raya.

Pendekatan turun padang, Amanah Raya melalui Kumpulan Jejak Warisan Amanah Raya berjaya menjejaki waris terlibat bagi membolehkan wang tersebut dapat dituntut. Berikut dua kes yang dikongsikan oleh Amanah Raya bersama *Utusan Malaysia* untuk dijadikan panduan.

Kes pertama, kisah seorang warga emas yang terpaksa menjaga anak saudaranya, Orang Kurang Upaya (OKU) berusia 50 tahun selepas ibu-

nya meninggal dunia.

Disebabkan itu, dia dikenali sebagai 'S' yang mempunyai wang hasil menoreh getah menjaga anak saudaranya selepas kedua-dua abangnya mengabaikan tanggungjawab mereka.

"Saya menjaga anak ketiga ini, seorang OKU yang tidak mampu menguruskan diri dan saya mengeluarkan belanja bagi membeli lampin pakai buang dan kos lain.

"Saya tahu kedua-dua abangnya hidup mewah namun, tidak pernah menjenguk adik mereka apatah lagi memberi bantuan termasuk kewangan," katanya.

Tidak lama kemudian, tembelang abangnya pecah apabila dia memaklumkan akan kehadiran pihak Amanah Raya bertujuan melawat adiknya.

"Bermula dari situ, abangnya datang menyerahkan sedikit wang untuk kegunaan adiknya yang OKU," katanya.

Melalui rentetan itu, pihak Amanah Raya memaklumkan,



**KUMPULAN** Jejak Warisan Amanah Raya mengadakan pertemuan dengan waris bagi menyelesaikan tuntutan harta pusaka.

tanah arwah ibu mereka terlibat dalam pengambilan tanah oleh kerajaan dan jumlah pampasan telah dibayar kepada dua orang abangnya secara agihan faraid.

"Pihak pejabat tanah bagaimanapun mengarahkan pihak Amanah Raya untuk

mentadbir bahagian adik yang cacat namun abangnya telah bertindak menjadi sebagai penjaga kepada adik OKU tersebut.

"Selepas itu, pihak Amanah Raya telah mengeluarkan notis tuntutan arahan agar baki jumlah yang dibayar sebelum

ini diserahkan kepada saya (ibu saudara) yang menjaga," katanya.

Bagi kes kedua, bekas pengawal keselamatan yang mahu dikenali sebagai Pakcik D berkata, dia tidak mengetahui bahawa mendiang bapanya yang juga pekerja di ladang kelapa sawit, melaksanakan pengurusan harta pusaka di Amanah Raya.

"Ketika itu, saya berusia 10 tahun dan dimaklumkan bekas majikan telah menghantar wang tersebut untuk diuruskan oleh Amanah Raya sehingga saya dewasa.

"Pada satu hari, saya menerima panggilan pihak Amanah Raya dan mereka memaklumkan mengenai perkara ini (pampasan) dan menganggap ini hanyalah *scammer* (penipuan)," katanya.

Perkara itu telah dimaklumkan kepada anaknya dan menerima kehadiran Amanah Raya ke rumahnya di Negeri Sembilan bagi urusan pemakluman pampasan.